



Rujukan : KPWK/700-3/1/3 ( 1 )

Tarikh : 20 MAR 2023

Sila Lihat Senarai Agihan

*Tuan/Puan,*

## **MAKLUMAN PERMOHONAN GERAN TAHUNAN KHAS (GTK) INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pada tahun ini, Kementerian telah diluluskan oleh Kerajaan Sarawak bagi Geran Tahunan Khas (GTK) untuk IPAKK yang berdaftar di Sarawak. GTK merupakan alternatif Kerajaan Sarawak untuk meningkatkan kualiti pembangunan dan pendidikan awal kanak-kanak di Sarawak.

3. Tujuan penggunaan GTK adalah untuk menyediakan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti berfokuskan kepada:

- 3.1 Pemakanan sihat dan seimbang;
- 3.2 *Fun learning* dan pendigitalan asuhan dan bimbingan kanak-kanak;
- 3.3 Program pembangunan profesionalisme pendidik dan pengasuh;
- 3.4 Program yang melibatkan ibu bapa;
- 3.5 Kerja-kerja pembaikan kecil; dan
- 3.6 Pembelian perabot dan peralatan elektrik.

4. Justeru itu, pihak tuan/puan dimohon untuk memanjangkan permohonan ini kepada semua IPAKK yang berdaftar di bawah seliaan pihak tuan/puan. Tarikh permohonan dibuka mulai **20 Mac – 20 Mei 2023**. Permohonan boleh dibuat melalui atas talian menggunakan laman web iSarawakCare. Bersama ini pihak kami sertakan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi permohonan GTK untuk perhatian dan rujukan pihak tuan/puan selanjutnya.



**MAKLUMAN PERMOHONAN GERAN TAHUNAN KHAS (GTK) INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAKK) SARAWAK TAHUN 2023**


---

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**

**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(~~NORIAH BINTI HAJI AHMAD~~)**

Setiausaha Tetap,  
Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak  
dan Kesejahteraan Komuniti

# MAKLUMAN PERMOHONAN GERAN TAHUNAN KHAS (GTK) INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (IPAkk) SARAWAK TAHUN 2023

---

## Senarai Agihan:

1. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak  
u.p (i) Unit Prasekolah dan Rendah (Prasekolah)  
(ii) Unit Pendidikan Swasta
2. Pengarah  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak
3. Pengarah  
Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sarawak
4. Pengarah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak
5. Pengarah  
Biro Perkhidmatan Pendidikan Majlis Islam Sarawak
6. Pengurus Besar  
SeDidik Sdn. Bhd.
7. Presiden  
Pertubuhan Pengusaha TADIKA Sarawak (AKO Sarawak)
8. Presiden  
Persatuan Pengasuh Berdaftar Sarawak (PPBS)
9. Presiden  
Persatuan Pengasuh Dan Pendidik Kanak-Kanak Islam Sarawak (PAKIS)
10. Presiden  
Persatuan Pengasuh Dan Pendidik Awal Kanak-Kanak Sarawak (3PAKS)
11. Pengerusi  
Persatuan Pendidik Awal Kanak-kanak Bintulu (PAKB)